

11 JUN 2001

Paya Indah

PAYA INDAH WETLAND SANCTUARY MAMPU JADI TARIKAN EKO-PELANCONGAN

Oleh: Farhanah Azmi

KUALA LANGAT, 11 Jun (Bernama) -- Sebuah kawasan bekas lombong biji timah dekat sini sedang giat dimajukan sebagai pusat eko-pelancongan yang menyediakan pelbagai keunikan.

Kawasan Paya Indah Wetland Sanctuary seluas 3,100 hektar akan dimajukan dengan kemudahan infrastruktur yang agak minimum bagi mengawal keseimbangan eko-sistem.

Pengurus Komunikasi dan Perhubungan Awamnya, Nor Hafidzah Mohamed berkata kawasan itu dibangunkan sebagai santuari sejak perlombongan bijih timah ditamatkan pada tahun 1997.

Santuari itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober depan, katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

"Berlainan dengan pusat rekreasi air yang lain, Paya Indah Wetland Sanctuary lebih menekankan aspek pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar khususnya flora dan fauna semulajadi yang terdapat di enam kawasan bekas lombong dan paya gambut serta kawasan hutan simpan kekal Kuala Langat," kata

"Kerja-kerja awal yang dilakukan terhadap kawasan itu ialah pemuliharaan alam sekitar. Selepas perlombongan aktif, banyak kerosakan berlaku pada keseimbangan ekologi di kawasan ini," katanya.

Kawasan yang berair khususnya di bahagian pergigian air terlebih dahulu distabilkan dengan menanam tumbuhan serta rumpai air bagi membolehkan pembiakan hidupan air seperti ikan air tawar.

Peringkat pembangunan kawasan itu seterusnya tertumpu kepada penanaman pelbagai spesis pokok untuk tujuan tadahan dan juga pengindahan lanskap.

Setakat ini kawasan Paya Indah Wetland Sanctuary mempunyai 210 spesis burung, 35 spesis mamalia, 19 spesis ikan dan lebih 220 jenis tumbuhan air serta lebih 5,000 pokok yang telah ditanam.

Bagi menarik orang ramai berkunjung ke santuari ini, pelbagai aktiviti berteraskan alam semulajadi seperti bersampan dan berkenu, menunggang kuda, berkhemah, merentas hutan dan sebagainya.

Antara daya tarikan terbaru di santuari itu ialah menjadikannya pusat tumpuan "kaki pancing" yang inginkan cabaran bertarung dengan spesis ikan seperti aruapaima, patin, baung, lampam jawa, haruan dan keli.

Sebagai langkah awal, Paya Indah Wetland Sanctuary menjadi tuan rumah kepada pertandingan memancing yang dianjurkan oleh Bahagian Kebajikan dan Sukan Unit Perangan Ekonomi (BKSU) Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Menurut Penyelaras Jawatankuasa Memancing BKSU Himmat Singh, Paya Indah Wetland Sanctuary dipilih kerana ia adalah destinasi baru memancing dan berada berdekatan dengan kawasan Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya.

"Selain kedudukannya yang dekat, ia mampu memberi pendidikan kepada anak-anak tentang hidupan air melalui aktiviti sampingan lain yang turut disediakan," katanya.

-- BERNAMA

FA AZZ PR